



30 September 2024  
30 September 2024  
P.U. (A) 265

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(PENGELUARAN INVOIS ELEKTRONIK) 2024

*INCOME TAX (ISSUANCE OF ELECTRONIC INVOICE)  
RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENGELUARAN INVOIS ELEKTRONIK) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], dibaca bersama-sama perenggan 82C(2)(a) Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pengeluaran Invois Elektronik) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024.

**Pengeluaran invois elektronik**

2. (1) Mana-mana orang yang menjalankan transaksi berkenaan dengan apa-apa barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah mengeluarkan suatu invois elektronik—

(a) berhubung dengan jualan tahunan melebihi satu ratus juta ringgit, invois elektronik hendaklah dikeluarkan mulai 1 Oktober 2024;

(b) berhubung dengan jualan tahunan melebihi dua puluh lima juta ringgit tetapi tidak melebihi satu ratus juta ringgit, invois elektronik hendaklah dikeluarkan mulai 1 Januari 2025; atau

(c) berhubung dengan jualan tahunan selain yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b), invois elektronik hendaklah dikeluarkan mulai 1 Julai 2025.

(2) Bagi maksud inouis elektronik yang dikeluarkan di bawah subkaedah (1)—

(a) jika orang itu mempunyai suatu penyata kewangan beraudit, jualan tahunan hendaklah ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan yang dinyatakan dalam penyata kewangan beraudit bagi tahun kewangan 2022; atau

(b) jika orang itu tidak mempunyai suatu penyata kewangan beraudit, jualan tahunan hendaklah ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan yang dilaporkan dalam penyata bagi tahun taksiran 2022.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), jika terdapat pertukaran tempoh perakaunan bagi tahun kewangan 2022, jualan tahunan itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times 12 \text{ bulan}$$

iaitu

A ialah pendapatan tahunan bagi tahun kewangan 2022

B ialah jumlah bulan dalam tempoh perakaunan bagi tahun kewangan 2022

### **Butir-butir dalam inouis elektronik**

3. Suatu inouis elektronik yang dikeluarkan oleh orang yang disebut dalam subkaedah 2(1) hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Ketidakpakaian**

4. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi—
- (a) pejabat diplomatik asing;
- (b) individu yang tidak menjalankan perniagaan;
- (c) badan berkanun, pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan berhubung dengan—
- (i) kutipan bayaran, fi, caj, levi statutori, saman, kompaun dan penalti dalam menjalankan fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (ii) transaksi apa-apa barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilaksanakan sebelum 1 Julai 2025; dan
- (d) pertubuhan antarabangsa bagi transaksi apa-apa barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilaksanakan sebelum 1 Julai 2025.

JADUAL  
[Perenggan 3]

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
1.	Butir-butir penjual atau pemberi perkhidmatan	<p>(a) Nama orang yang mengeluarkan invoice elektronik dalam suatu transaksi komersial</p> <p>(b) Nombor pengenalan cukai yang diberikan</p>	Alamat e-mel

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
		<p>oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</p> <p>(c) Nombor pendaftaran perniagaan, nombor pengenalan pendaftaran negara atau nombor pasport bagi bukan warganegara</p> <p>(d) Nombor pendaftaran cukai jualan atau cukai perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, jika berkenaan</p> <p>(e) Nombor pendaftaran cukai pelancongan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, jika berkenaan</p> <p>(f) Alamat berdaftar perniagaan atau alamat kediaman</p> <p>(g) Nombor telefon</p> <p>(h) Kod <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i></p> <p>(i) Perihal aktiviti jualan atau perkhidmatan</p>	

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
2.	Butir-butir pembeli atau pelanggan	<p><i>(a)</i> Nama pembeli atau pelanggan dalam suatu transaksi komersial</p> <p><i>(b)</i> Nombor pengenalan cukai yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</p> <p><i>(c)</i> Nombor pendaftaran perniagaan, nombor pengenalan pendaftaran negara atau nombor pasport bagi bukan warganegara</p> <p><i>(d)</i> Nombor pendaftaran cukai jualan atau cukai perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, jika berkenaan</p> <p><i>(e)</i> Alamat berdaftar perniagaan atau alamat kediaman</p> <p><i>(f)</i> Nombor telefon</p>	Alamat e-mel
3.	Maklumat invois elektronik	<p><i>(a)</i> Kod pengeluaran invois elektronik</p> <p><i>(b)</i> Jenis invois elektronik</p>	<p><i>(a)</i> Kekerapan pengebilan</p> <p><i>(b)</i> Tempoh pengebilan</p>

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
		<p><i>(c)</i> Kod atau nombor invois elektronik yang digunakan oleh penjual atau pembekal bagi maksud penjejakan dalaman</p> <p><i>(d)</i> Nombor rujukan pengeluaran pertama invois elektronik atau dokumen, iaitu nombor pengenalan unik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, jika berkenaan</p> <p><i>(e)</i> Tarikh dan masa invois elektronik dikeluarkan</p> <p><i>(f)</i> Tandatangan digital pengeluar</p> <p><i>(g)</i> Kod mata wang invois elektronik</p> <p><i>(h)</i> Kadar pertukaran mata wang, jika berkenaan</p>	
4.	Butir-butir produk atau perkhidmatan	<p><i>(a)</i> Pengelasan produk atau perkhidmatan</p> <p><i>(b)</i> Perihal produk atau perkhidmatan</p> <p><i>(c)</i> Harga unit</p>	<p><i>(a)</i> Jumlah amaun bersih</p> <p><i>(b)</i> Amaun yang dibundarkan</p> <p><i>(c)</i> Jumlah amaun kena cukai bagi setiap jenis cukai</p>

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
		<p><i>(d)</i> Jenis cukai</p> <p><i>(e)</i> Kadar cukai, jika berkekaan</p> <p><i>(f)</i> Amaun cukai</p> <p><i>(g)</i> Perihal an pengecualian cukai, jika berkekaan</p> <p><i>(h)</i> Amaun yang dikecualikan daripada cukai, jika berkekaan</p> <p><i>(i)</i> Jumlah kecil</p> <p><i>(j)</i> Amaun tidak termasuk cukai</p> <p><i>(k)</i> Amaun termasuk cukai</p> <p><i>(l)</i> Jumlah amaun kena dibayar</p>	<p><i>(d)</i> Kuantiti</p> <p><i>(e)</i> Ukuran</p> <p><i>(f)</i> Kadar diskaun</p> <p><i>(g)</i> Amaun diskaun</p> <p><i>(h)</i> Kadar fi atau caj</p> <p><i>(i)</i> Amaun fi atau caj</p>
5.	Transaksi barang yang diimport atau dieksport	Nombor rujukan borang kastam	<p><i>(a)</i> Terma komersial antarabangsa</p> <p><i>(b)</i> Kod tarif barang</p> <p><i>(c)</i> Maklumat Perjanjian Perdagangan Bebas bagi suatu transaksi eksport</p> <p><i>(d)</i> Nombor kebenaran bagi pengeksport yang diperakui bagi suatu transaksi eksport</p>



(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
			<p><i>(e)</i> Nombor rujukan borang kastam</p> <p><i>(f)</i> Negara asal barang</p> <p><i>(g)</i> Perihal caj lain</p>
6.	Butir-butir bayaran	Tiada	<p><i>(a)</i> Kaedah bayaran</p> <p><i>(b)</i> Nombor akaun bank penjual atau pembekal</p> <p><i>(c)</i> Terma bayaran</p> <p><i>(d)</i> Amaun bayaran terdahulu</p> <p><i>(e)</i> Tarikh bayaran terdahulu</p> <p><i>(f)</i> Nombor rujukan bayaran terdahulu</p> <p><i>(g)</i> Nombor rujukan bil</p>
7.	Butir-butir penerima jika barang yang dijual diserahkan kepada penerima selain pembeli atau pelanggan	Tiada	<p><i>(a)</i> Nama penerima</p> <p><i>(b)</i> Alamat berdaftar perniagaan atau alamat kediaman</p> <p><i>(c)</i> Nombor pengenalan cukai penerima yang diberikan oleh Lembaga</p>

(1) Bil.	(2) Kategori	(3) Butir-butir mandatori	(4) Butir-butir pilihan
			<p>Hasil Dalam Negeri Malaysia</p> <p>(d) Nombor pendaftaran perniagaan, nombor pengenalan pendaftaran negara atau nombor pasport bagi bukan warganegara</p>

Dibuat 26 September 2024

[MOF.TAX(S)700-1/3/109 ]ld.2 (SK.2); LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-225; PN(PU2)80/JLD.112]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN  
*Menteri Kewangan II*

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

## INCOME TAX ACT 1967

## INCOME TAX (ISSUANCE OF ELECTRONIC INVOICE) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], read together with paragraph 82c(2)(a) of the Act, the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Issuance of Electronic Invoice) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 1 October 2024.

**Issuance of electronic invoice**

2. (1) Any person who carries out a transaction in respect of any goods sold or service performed shall issue an electronic invoice—

(a) in relation to annual sales of more than one hundred million ringgit, the electronic invoice shall be issued from 1 October 2024;

(b) in relation to annual sales of more than twenty-five million ringgit but not exceeding one hundred million ringgit, the electronic invoice shall be issued from 1 January 2025; or

(c) in relation to annual sales other than specified in paragraphs (a) and (b), the electronic invoice shall be issued from 1 July 2025.

(2) For the purposes of the electronic invoice issued under subrule (1)—

(a) if the person has an audited financial statement, the annual sales shall be determined based on the annual income specified in the audited financial statement for financial year 2022; or

(b) if the person does not have an audited financial statement, the annual sales shall be determined based on the annual income reported in the return for the year of assessment 2022.

(3) Notwithstanding subrule (1), where there is a change of accounting period for the financial year 2022, the annual sales shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times 12 \text{ months}$$

where

A is the annual income for financial year 2022

B is the total months of the accounting period for financial year 2022

#### **Particulars in electronic invoice**

3. An electronic invoice issued by the person referred to in subrule 2(1) shall contain the particulars as specified in the Schedule.

#### **Non-application**

4. These Rules shall not apply to—

(a) a foreign diplomatic office;

(b) an individual who does not carry on business;

(c) a statutory body, statutory authority or local authority in relation to—

(i) collection of payment, fee, charge, statutory levy, summon, compound and penalty in carrying out its functions under any written law; and

(ii) transaction of any goods sold or service performed before 1 July 2025; and

(d) an international organization for transaction of any goods sold or service performed before 1 July 2025.

SCHEDULE  
[Paragraph 3]

(1) No.	(2) Category	(3) Mandatory particulars	(4) Optional particulars
1.	Particulars of seller or service provider	<p>(a) Name of a person who issues an electronic invoice in a commercial transaction</p> <p>(b) Tax identification number assigned by the Inland Revenue Board of Malaysia</p> <p>(c) Business registration number, national registration identification number or passport number for a non-citizen</p> <p>(d) Sales tax or service tax registration number issued by the Royal Malaysian Customs Department,</p>	E-mail address

(1) No.	(2) Category	(3) Mandatory particulars	(4) Optional particulars
		<p>if applicable</p> <p><i>(e)</i> Tourism tax registration number issued by the Royal Malaysian Customs Department, if applicable</p> <p><i>(f)</i> Registered address of business or residence address</p> <p><i>(g)</i> Telephone number</p> <p><i>(h)</i> Malaysia Standard Industrial Classification code</p> <p><i>(i)</i> Description of sales or services activity</p>	
2.	Particulars of buyer or customer	<p><i>(a)</i> Name of a buyer or customer in a commercial transaction</p> <p><i>(b)</i> Tax identification number assigned by the Inland Revenue Board of Malaysia</p> <p><i>(c)</i> Business registration number, national registration</p>	E-mail address

(1) No.	(2) Category	(3) Mandatory particulars	(4) Optional particulars
		<p>identification number or passport number for a non-citizen</p> <p><i>(d)</i> Sales tax or service tax registration number issued by the Royal Malaysian Customs Department, if applicable</p> <p><i>(e)</i> Registered address of business or residence address</p> <p><i>(f)</i> Telephone number</p>	
3.	Information of electronic invoice	<p><i>(a)</i> Code of issuance of electronic invoice</p> <p><i>(b)</i> Type of electronic invoice</p> <p><i>(c)</i> Code or number of the electronic invoice used by the seller or supplier for the purpose of internal tracking</p> <p><i>(d)</i> Reference number of the first issuance electronic invoice or</p>	<p><i>(a)</i> Billing frequency</p> <p><i>(b)</i> Billing period</p>

(1) No.	(2) Category	(3) Mandatory particulars	(4) Optional particulars
		<p>document, namely the Inland Revenue Board of Malaysia unique identifier number, if applicable</p> <p><i>(e)</i> Date and time the electronic invoice is issued</p> <p><i>(f)</i> Digital signature of the issuer</p> <p><i>(g)</i> Currency code of the electronic invoice</p> <p><i>(h)</i> Rate of currency exchange, if applicable</p>	
4.	Particulars of product or service	<p><i>(a)</i> Classification of the product or service</p> <p><i>(b)</i> Description of the product or service</p> <p><i>(c)</i> Unit price</p> <p><i>(d)</i> Type of tax</p> <p><i>(e)</i> Rate of tax, if applicable</p> <p><i>(f)</i> Amount of tax</p> <p><i>(g)</i> Description of tax exemption, if applicable</p>	<p><i>(a)</i> Total nett amount</p> <p><i>(b)</i> Rounding amount</p> <p><i>(c)</i> Total taxable amount per type of tax</p> <p><i>(d)</i> Quantity</p> <p><i>(e)</i> Measurement</p> <p><i>(f)</i> Discount rate</p> <p><i>(g)</i> Discount amount</p> <p><i>(h)</i> Fee or charge rate</p> <p><i>(i)</i> Fee or charge amount</p>



(1) No.	(2) Category	(3) Mandatory particulars	(4) Optional particulars
		<p><i>(h)</i> Amount exempted from tax, if applicable</p> <p><i>(i)</i> Subtotal</p> <p><i>(j)</i> Amount excluding tax</p> <p><i>(k)</i> Amount including tax</p> <p><i>(l)</i> Total payable amount</p>	
5.	Transaction of import or export of goods	Reference number of the customs form	<p><i>(a)</i> International commercial terms</p> <p><i>(b)</i> Tariff code of the goods</p> <p><i>(c)</i> Information on the Free Trade Agreement for an export transaction</p> <p><i>(d)</i> Authorization number for a certified exporter for an export transaction</p> <p><i>(e)</i> Reference number of the customs form</p> <p><i>(f)</i> Country of origin of the goods</p> <p><i>(g)</i> Description of other charges</p>

(1) No.	(2) Category	(3) Mandatory particulars	(4) Optional particulars
6.	Particulars of payment	Nil	<p><i>(a)</i> Payment method</p> <p><i>(b)</i> Bank account number of seller or supplier</p> <p><i>(c)</i> Payment terms</p> <p><i>(d)</i> Prepayment amount</p> <p><i>(e)</i> Prepayment date</p> <p><i>(f)</i> Prepayment reference number</p> <p><i>(g)</i> Bill reference number</p>
7.	Particulars of recipient if the goods sold are delivered to a recipient other than the buyer or customer	Nil	<p><i>(a)</i> Name of a recipient</p> <p><i>(b)</i> Registered address of business or residence address</p> <p><i>(c)</i> Tax identification number of a recipient assigned by the Inland Revenue Board of Malaysia</p> <p><i>(d)</i> Business registration number, national registration identification number or passport number for a non-citizen</p>

Made 26 September 2024

[MOF.TAX(S)700-1/3/109 ]ld.2 (SK.2); LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-225; PN(PU2)80/JLD.112]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN  
*Minister of Finance II*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2)  
of the Income Tax Act 1967]*